



19 November 2024
19 November 2024
P.U.(B) 453

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 44/1992*] yang disiarkan dalam *Warta* Persekutuan pada 6 Februari 1992, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan telah merizabkan tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam dan telah menetapkan bahawa Pengarah Pentadbir, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan, Jabatan Perdana Menteri hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasaan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara) 2009 [*P.U. (A) 454/2009*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 242/2010*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pendaftar Hakmilik Tanah Wilayah Persekutuan Labuan berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan, Tingkat 1, E003, Aras Podium, Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 80693, Jalan Merdeka, 87016 Wilayah Persekutuan Labuan mulai pukul 2.00 petang hingga 4.00 petang pada 18 Disember 2024 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Labuan

Bandar : Labuan

No. Pelan : 20124814

No. Lot : 8082

Luas : 2.400 hektar

Bertarikh 3 Oktober 2024

[PTG/WP(S).100-2/17/2/6 JLD 16; PTGL/11/BPRZ/2023/1(9); PN(PU2)213/JLD.125]

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Labuan

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by the Reservation of Land for Public Purpose [*P.U. (B) 44/1992*] published in the *Gazette* of the Federation on 6 February 1992, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Labuan has reserved the Federal land described in the Schedule for a public purpose and has designated that the Pengarah Pentadbir, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan, Jabatan Perdana Menteri shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Labuan that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of National Land Code) Order 2009 [*P.U. (A) 454/2009*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 242/2010*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Labuan gives notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Registrar of Title of the Federal Territory of Labuan in relation to the proposed revocation will be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Labuan, 1st Floor, E003, Podium Level, Ujana Kewangan Complex, P.O Box 80693, Jalan Merdeka, 87016 Federal Territory of Labuan at 2.00 p.m to 4.00 p.m on 18 December 2024 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Labuan

Town : Labuan

Plan No. : 20124814

Lot No. : 8082

Area : 2.400 hectares

Dated 3 October 2024

[PTG/WP(S).100-2/17/2/6 JLD 16; PTGL/11/BPRZ/2023/1(9); PN(PU2)213/JLD.125]

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Chairman

*Land Executive Committee
of the Federal Territory of Labuan*